

16 AUG 2001

Malaysia-Fundamentalism

WASHINGTON DIBERI AMARAN DALAM MEMBANTU PENYOKONG ANWAR

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Amerika Syarikat, yang dua kali melalui pengalaman pahit dengan pemerintahan fundamentalis Islam iaitu di Iran dan Afghanistan, telah diberi amaran yang ia boleh tertipu bagi kali ketiga jika menyokong usaha bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggugat kedudukan kerajaan Malaysia.

Amy Ridenour, presiden Pusat Kebangsaan Penyelidikan Dasar Awam, sebuah kumpulan bijak pandai berkecuali di Amerika berkata Anwar mempunyai hubungan akrab dengan fundamentalis radikal Islam dan telah memulakan kempen perhubungan awam antarabangsa untuk menggugat kedudukan kerajaan Malaysia.

Dalam komentar yang diterbitkan oleh akhbar Washington Times pada Rabu, Ridenour berkata isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melawat Amerika baru-baru ini untuk mendapatkan sokongan bagi suaminya yang kini menjalani hukuman penjara 15-tahun kerana kesalahan rasuah dan liwat.

" Usaha itu melagakan Anwar dengan bekas mentor beliau Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Permusuhan itu telah mencetuskan kemelut politik. Atas pertaruhan yang orang Amerika akan bersimpati kepada seorang wanita yang suaminya dalam penjara, kumpulan lobi yang dikawal oleh suaminya mengatur lawatan itu," kata beliau.

Dalam memberikan latar belakang Anwar, wanita itu berkata sejarah politik Anwar bermula sebagai aktivis pelajar di Universiti Malaya (UM) pada 1960-an di mana beliau mula membuat ucapan-ucapan berapi-api mengenai Islam di dalam dan di luar universiti.

Ridenour berkata, Anwar kemudian mengasaskan Angkatan Belia Islam (ABIM), pergerakan fundamentalis pemuda Islam yang bertujuan membawa kebangkitan semula Islam di Malaysia.

Beliau juga menunjukkan yang Anwar mengembara ke Iran untuk bertemu Ayatollah Khomeini yang mengetuai revolusi Islam di Iran dan ABIM -- mengambil sedikit fahaman Karl Marx dan banyak fahaman radikal Islam -- mengutuk eksploitasi buruh dan "semua perkara yang bertentangan dengan semangat keadilan Islam".

"Sejak Anwar dipenjarakan pada 1999, kumpulan penuntut fundamentalis Islam telah menguasai kesatuan-kesatuan pelajar di hampir kesemua universiti yang membawa kepada aktiviti anti kerajaan.

"Sebagai contoh pada 4 Julai lepas, perbuatan khianat memusnahkan sebuah bangunan di Universiti Malaya. Parti Islam Se Malaysia (PAS) telah menambah bilangan kerusi di Parlimen," katanya.

Ridenour teringat pemerintahan Khomeini pada 1979 bermula dengan krisis tebusan 444-hari di Kedutaan Amerika Syarikat di Teheran dan mendapati tiada jalan untuk berunding, berkompromi ataupun bercakap dengan seorang pemimpin yang begitu kuat menentang demokrasi dan yang tidak toleran seperti Khomeini.

Ridenour berkata, Afghanistan memperkukuhkan pengajaran bagi Amerika. Selepas Amerika menyumbangkan berjuta-juta ringgit dan maklumat risikan penting bagi puak Mujahiddin yang anti Soviet, satu kerajaan fundamentalis Islam, Taliban, mengambil alih kuasa.

Taliban yang amat sangat anti-Amerika dengan terbuka melindungi pengganas-pengganas antarabangsa terkemuka termasuk Osama bin Laden, yang terbabit dalam pengeboman dua kedutaan Amerika pada 1998 menyebabkan 224 orang mati.

" Taliban telah membentuk satu rejim yang jauh kurang toleran

daripada yang pernah dibayangkan oleh Leonid Breznev -- pemerintahan diktator imam-imam yang memusnahkan peninggalan bersejarah agama Buddha dan merotan di khalayak ramai wanita yang dituduh berjalan bersama seorang lelaki yang tiada tali persaudaraan dengannya.

"Adalah lebih baik Amerika Syarikat mengelakkan pengalaman pahit yang ketiganya," beliau memberi amaran.

Ridenour juga memuji Malaysia kerana pencapaian luar biasanya dalam pembangunan dan kemakmuran dan sebagai sebuah negara demokratik yang stabil.

"Malaysia menikmati pertumbuhan ekonomi yang mengagumkan, dengan keluaran dalam negara kasar tahunan meningkat 5 peratus hingga 10 peratus sejak sedekad lepas. Dalam senarai ekonomi-ekonomi Asia, KDNK per capita Malaysia lebih kurang US\$7,370 (RM28,000) dan berada di belakang Korea Selatan dan di hadapan tujuh lagi negara," kata beliau.

Malaysia juga merupakan rakan perdagangan ke 12 terbesar Amerika dan pasaran eksport ke 17 terbesar dengan perdagangan Amerika-Malaysia melampaui perdagangan Amerika bersama India, Indonesia dan Russia disatukan.

" Malaysia bukan tanpa kecacatan. Sistem perundangan Malaysia, seperti di Amerika adalah berdasarkan kepada `common law' Inggeris, tetapi didakwa berlaku pencabulan," kata Ridenour.

Beliau juga berkata adalah tragedi sejarah yang diktator-diktator merampas kuasa dengan mengeksplotasi pergerakan-pergerakan popular, termasuk Fidel Castro di Cuba, Daniel Ortega di Nicaragua dan Khomeini di Iran.

Ridenour menyimpulkan komentarnya dengan berkata: " Amerika Syarikat tertipu di Iran dan Afghanistan. Adalah berbahaya untuk ditipu sekali lagi".

-- BERNAMA
AU AU PR